

SOALAN NO: 232

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

SOALAN:

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan Kerajaan mengimbangi penggunaan tenaga buruh dengan penggunaan sistem automasi yang bertujuan meningkatkan produktiviti dalam pelbagai sektor dan bukannya bertujuan untuk menggantikan pekerja secara sepenuhnya.

PR-1353-T01372

92

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. Dunia sedang menuju ke arah perkembangan teknologi yang pesat supaya dapat bersaing dan seiring dengan negara-negara maju yang lain. Dunia kini menuju ke arah Revolusi Perindustrian Keempat yang boleh digambarkan sebagai pendekatan pelbagai teknologi baharu yang menggabungkan dunia fizikal dan digital melalui perhubungan atas talian yang membolehkan interaksi secara maya dapat direalisasikan. Ini akan memberi kesan kepada ekonomi, industri, sosial serta gaya hidup masyarakat. Revolusi Perindustrian Keempat merupakan transformasi menyeluruh semua sektor industri yang meliputi *Primary Sector* (minyak sawit/getah), *Secondary Sector* (pembuatan/pengeluaran), *Tertiary Sector* (perkhidmatan/hospitaliti) dan *Quaternary Sector* (Penyelidikan) menurut PricewaterhouseCoopers (PWC).

2. Fokus Kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah untuk mentransformasikan *Secondary Sector* kepada sistem pembuatan dan pengeluaran berasaskan teknologi moden yang lebih efisien dengan kos yang lebih efektif. Inisiatif ini diberikan penjenamaan sebagai Industri 4.0. Industri ini bukan sahaja memberikan fokus kepada automasi sistem, tetapi turut menghubungkan sistem sedia

ada secara maya melalui penggunaan teknologi (*virtual connectivity technology*).

3. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan (*job displacement*), peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik. Dalam hal ini Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberikan peranan bagi menerajui *Jawatankuasa Talent and Human Capital* bagi Industri 4.0.

4. Kesimpulannya, KSM menyokong sepenuhnya usaha Kerajaan dalam merangka dasar nasional dan pelan tindakan berkaitan Industri 4.0 yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi mencapai matlamat bagi melahirkan lebih ramai generasi muda yang mempunyai kemahiran teknikal sekali gus memenuhi keperluan modal insan Industri 4.0.